

Demi Mak dan Abah

Nama diberi, Norshahida Abdul Hamid. Kini saya berumur 20 tahun dan sedang menuntut di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Sains Bioperubatan. Saya dibesarkan di kampung Kuala Muda yang terletak di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Saya mempunyai latar belakang keluarga yang sederhana. Bapa saya, Abdul Hamid Md Diah, bekerja sendiri sebagai kontraktor elektrik, manakala ibu saya, Jurabi Abdul Majid seorang suri rumah tangga sepenuh masa.

Ketika berumur 6 tahun, saya mendapat pendidikan awal di sebuah taski dan ketika umur 7 tahun, saya meneruskan pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Kuala Muda. Saya belajar di sekolah tersebut sehingga berumur 12 tahun seperti kanak-kanak lain juga. Pada Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, UPSR, saya mendapat 2A 3B. Selepas mendapat keputusan tersebut saya merasa bahawa saya harus berusaha bersungguh-sungguh lagi jika ingin menjadi individu yang cemerlang.

Kemudian, saya memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Muda. Ketika dalam Tingkatan 3, saya telah mengikuti kelas tambahan berbayar kerana pada masa itu, bapa saya mampu untuk menanggung kos kelas tambahan tersebut. Pada peperiksaan Penilaian Menengah Rendah, saya mendapat 7A 2B. Seterusnya, saya mengambil bidang Sains Tulen di sekolah yang sama selama 2 tahun.

Pada tahun akhir pengajian saya di sekolah menengah, keluarga saya menghadapi sedikit masalah kewangan berpunca daripada masalah ekonomi di Malaysia. Pada ketika itu, saya tidak mengikuti mana-mana kelas tambahan berbayar kerana tidak mahu membebankan kedua-dua orang tua saya. Jadi, saya hanya mengikuti kelas tambahan yang diadakan di sekolah sahaja. Saya yakin bahawa kejayaan seseorang iu bukanlah terletak pada kelas tambahan semata-mata tetapi berkat usaha serta doa daripada kedua-dua orang tua. Apabila diumumkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia, saya mendapat 7A 3B.

Berkat doa kedua-dua ibu bapa saya,

saya telah mendapat tawaran untuk ke Kolej Matrikulasi Kedah selama setahun dalam bidang Sains Hayat. Pada masa itu, disebabkan oleh faktor ekonomi dan faktor-faktor lain, keluarga saya diduga lagi dari segi kewangan. Ibu dan bapa saya terpaksa melakukan kerja-kerja lain demi menanggung kehidupan kami.

Namun, saya bersyukur kerana setiap penuntut kolej matrikulasi mendapat elaun sebanyak RM1000 pada setiap semester dan saya juga telah dipilih untuk menjadi peserta SANTUN. Pemilihan ini sedikit sebanyak telah membantu saya untuk meneruskan pelajaran dan membantu keluarga secara tidak langsung kerana saya tidak perlu meminta wang perbelanjaan seharian daripada ayah dan ibu. Akhirnya, saya mendapat keputusan yang baik iaitu 3.67 semasa di matrikulasi.

Selepas beberapa bulan bercuti, saya mendapat tawaran belajar ke Universiti Putra Malaysia dalam bidang Sains Bioperubatan. Namun, kos kemasukan ke universiti ini mencecah lebih daripada RM2000.

Saya semakin dihimpit rasa bersalah kerana bakal membebani kedua-dua ibu bapa sekali lagi untuk menanggung yuran pelajaran saya. Mereka telah memberikan saya semangat untuk meneruskan pelajaran dan berusaha untuk mengumpul wang sebaik mungkin. Mereka sanggup menjualkan barang bernilai untuk menampung yuran pelajaran saya. Saya merasa sangat terharu atas sikap mereka itu.

Pada masa yang sama, PTPTN telah memberikan pinjaman pendahuluan sebanyak RM 1500 kepada setiap bakal penuntut universiti di Malaysia dan sekaligus meredakan sedikit masalah yang sedang dihadapi oleh kami sekeluarga. Dengan pengorbanan kedua-dua orang tua saya, saya kini berada di UPM.

Berdasarkan pengalaman yang telah dilalui, saya bertekad untuk belajar sebaik mungkin dan menjadi insan yang berjaya untuk membalas jasa setiap ahli keluarga saya yang telah banyak berkorban dalam membesarkan dan memberi pendidikan yang terbaik kepada saya.



Nama:

Norshahida Abdul Hamid

Alamat:

Kuala Muda, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Pencapaian:

UPSR (2A 3B), PMR (7A 2B), SPM (7A 3B)

Institusi Pengajian:

Universiti Putra Malaysia (Sains Bioperubatan)